

01 APR 2002

Keganasan-Belkeziz/I

SERANGAN 11 SEPT DIAMBIL KESEMPATAN DENGAN TUJUAN TERTENTU

KUALA LUMPUR, 1 April (Bernama) -- Insiden 11 Sept telah diambil kesempatan oleh golongan tertentu di peringkat global untuk mengaitkannya dengan isu-isu yang tidak kena mengena dengan kejadian itu, kata Setiausaha Agung Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) Dr Abdelouahed Belkeziz hari ini.

Insiden 11 Sept telah digunakan sebagai alasan untuk menyebarkan keganasan, ketakutan, ugutan dan paksaan dalam hubungan antarabangsa pada skala yang belum pernah dilihat dalam sejarah moden, kata beliau di Sesi Khas Menteri-menteri Luar ICFM) mengenai Keganasan di sini.

Beliau berkata, ini termasuk kenyataan-kenyataan mengenai persediaan untuk menyerang sebilangan negara Islam khususnya Iraq dan perancangan bagi serangan nuklear terhadap Iran, Libya, Syria dan lain.

"Kesemua ini adalah perkembangan berbahaya yang membimbangkan kita," katanya.

Mesyuarat tiga hari itu dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di hotel Palace of the Golden Horses di Seri Kembangan dekat sini.

Dalam insiden 11 September itu pengganas menggunakan pesawat terbang komersil untuk merempuh bangunan Pusat Dagangan Dunia di New York dan Bangunan Jabatan Pertahanan Amerika, Pentagon, di Washington menyebabkan lebih 3,000 orang terbunuh.

Merujuk kepada perjuangan rakyat Palestin, Dr Belkeziz berkata tiada siapapun menyifatkan perjuangan seperti itu sebagai kempen pengganas sebelum 11 Sept dan beratus-ratus negara telah mencapai kemerdekaan daripada penjajahan melalui perjuangan bersenjata ataupun kaedah lain.

Beliau berkata kenyataan yang menggambarkan perjuangan rakyat Palestin sebagai tindakan pengganas tidak masuk akal.

"Adalah penting kita berusaha memastikan setiap teks antarabangsa yang berkaitan dengan keganasan turut mengambil kira satu fasal pengecualian bagi perjuangan yang sah ini," dan menambah kata keganasan tajaan negara seperti yang diamalkan oleh Israel yang termasuk kempen pembunuhan mesti didedahkan.

Dr Belkeziz berkata, juga terdapat keperluan untuk merumuskan resolusi dan langkah-langkah praktikal untuk menentang penyebaran rasa takut akan Islam dalam minda dunia, khususnya di barat.

"Kita mesti berusaha lebih gigih untuk mengesyorkan kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) untuk melarang penggunaan pernyataan-pernyataan perkauman yang sempit seperti 'keganasan Islam' di media tempatan dan antarabangsa," katanya.

-- BERNAMA

MAM MAM AAM PR